

Kambing lahir anak iras manusia

Kota Tinggi: Seorang peneroka di FELDA Sungai Mas, di sini terkejut apabila mendapati kambing peliharaannya melahirkan seekor anak berwujud pelik yang didakwa seakan-akan manusia, termasuk berhidung kemek dan berkaki pendek.

Ibrahim Basir, 63, berkata kejadian berkenaan disedari oleh rakan kongsinya dikenali sebagai Jamaludin, 50, pada jam 11 pagi, kelmarin ketika

berada di kandang kambing milik mereka di Kampung Baru Sungai Mas, di sini.

"Ketika dimaklumkan rakan kongsi mengenai perkara ini, saya dalam perjalanan balik selepas menghadiri satu mesyuarat di FELDA Semenchu, dekat sini sebelum bergegas ke kandang.

"Apabila melihat dengan mata sendiri, saya mendapati keadaan fizikal haiwan ini tidak seperti kambing

lain kerana hidungnya kemek, malah kakinya juga pendek selain tidak mempunyai tali pusat," katanya ketika dihubungi, semalam.

"Bagaimanapun, anak kambing ini sudah mati dipercayai selepas dilahirkan, namun saya menyimpannya dalam sebuah kotak polisterin bersama ketulan ais dan bercadang membawanya ke Pejabat Veterinar Daerah Kota Tinggi, dekat sini," katanya.



Anak kambing berwujud pelik di Kampung Baru Sungai Mas, Kota Tinggi.